

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN  
RASMI SEMINAR EKONOMI BUMIPUTRA DI  
DEWAN SANTAPAN, PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PERAK, IPOH, PERAK  
PADA 25HB JULAI, 1975

Y.A.B. Tan Sri Ghazali Jawi<sup>1</sup>, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara para peserta sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penganjur Seminar Ekonomi Bumiputra ini yang telah menjemput saya untuk merasmikan Seminar ini pada pagi ini.

Di samping itu suka saya mengucapkan tahniah kepada UMNO Negeri Perak atas inisiatif menyelenggarakan Seminar yang penting ini dengan Kerajaan Negeri Perak. Saya suka memberi penghargaan yang tinggi kepada mereka yang telah berusaha mengadakan persediaan seminar ini.

Mengingatkan bahawa Rancangan Malaysia Kedua akan berakhir tahun ini, sangatlah mustahak kita membincang dan mengkaji setakat mana kita telah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di samping membincangkan masalah dan hasrat Bumiputra amnya.

Saya sukacita melihat para peserta Seminar ini terdiri dari ahli-ahli perniagaan dan pengusaha Bumiputra yang mewakili bidang-bidang perkayuan, perlombongan, pembinaan dan lain-lain yang khususnya bercorak perniagaan dan perindustrian.

Turut serta bersama di Seminar ini pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab dalam menjayakan dasar Kerajaan agar Bumiputra dapat menyertai secara aktif semua bidang kehidupan ekonomi di negeri ini.

Saya harap pertemuan kedua-dua pihak ini berjalan dalam suasana dan keadaan yang boleh memberi kebaikan dan munafaat kepada kita semua. Janganlah dijadikan Seminar ini sebagai satu forum untuk mengkeritik satu sama lain, kecuali keritik yang membina.

<sup>1</sup> Menteri Besar Perak.

Saya percaya dengan adanya suasana dan motif untuk kebaikan itu, segala keputusan dan rumusan yang akan dicapai itu membawa unsur-unsur yang praktikal dan bernas untuk dilaksanakan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, Kerajaan sedang menyusun dan menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh itu kita memerlukan maklumat dan butir-butir lengkap supaya dapat dikesan di manakah letaknya masalah dan apakah bentuk masalah tersebut.

Dahulu kita percaya iaitu penyertaan Bumiputra secara aktif dalam kehidupan ekonomi negara tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan modal. Berasaskan pendapat itu maka Kerajaan telah menubuhkan beberapa badan khas untuk memberi pinjaman seperti M A R A dan Bank-bank Syarikat Kerjasama.

Akan tetapi telah didapati iaitu ini telah tidak dapat menggerakkan Bumiputra secara aktif malah keadaan tidak berubah dan masalah-masalah semakin bertambah. Oleh yang demikian, selepas kita sendiri mempunyai tenaga-tenaga mahir dalam usaha perancangan dan selepas kita mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputra yang pertama pada awal tahun enam puluhan, maka approach dan sikap kita dalam hal ini terpaksa diubah. Masalah yang kita hadapi tidak dapat diatasi secara "piece-meal" atau hanya dengan menumpu perhatian kepada satu sudut sahaja. Kita tidak dapat mencapai kejayaan selagi kita lakukan tindakan secara berasingan dan tidak serentak menghadapi masalah ini.

Saudara-saudara sekalian,

Pengalaman dari tindakan yang kurang tepat ini memerlukan kita menggubal approach yang lebih menyeluruh iaitu satu "package deal" bagi mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul. Kerajaan telah menyediakan rancangan dan gerakan yang meliputi segala aspek supaya masalah yang dihadapi dapat kita atasi dengan jayanya.

Masalah tempat, soal kewangan, kemahiran, pengalaman dan lain-lainnya dikaji sebagai persoalan yang kait mengait antara satu dengan lain. Hari ini berbagai kemudahan telah disediakan. Tetapi, walaupun demikian, tidaklah pula dinafikan masih ada kelemahan-kelemahan atau kekurangan yang harus diberi perhatian. Ini semua akan dapat kita atasi jika sekiranya semangat yang lahir itu adalah semangat yang benar-benar faham latar belakang dan persoalan yang kita hadapi. Tetapi, kalau sebaliknya, semangat yang lahir itu ialah semangat menghentam sahaja, maka sudah tentu persoalan akan tinggal persoalan dan kelemahan akan tinggal sebagai kelemahan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam ucapan saya di Kelantan baru-baru ini, saya telah menekankan iaitu badan berkanun yang telah didirikan oleh Kerajaan bukanlah untuk menyaingi usaha-usaha persendirian yang dijalankan oleh Bumiputra. Mereka hanya akan masuk ke bidang-bidang yang belum ada lagi Bumiputra yang mempunyai keupayaan memasuki bidang tersebut.

Saya telah tegaskan langkah ini ialah untuk sementara waktu sahaja; hanya memegang mandat sementara. Saya harap saudara-saudara sekalian akan dapat bekerjasama di antara satu sama lain, terutama dalam usaha kita mendapatkan Bumiputra menyertai sekurang-kurangnya 30% dari kehidupan ekonomi negara ini menjelang 1990.

Seperti seringkali saya sebutkan iaitu cuma dengan saling faham memahami dan mengetahui tugas dan peranan masing-masing, baru dapat kita mencapai kejayaan. Kita mengadakan Seminar, Kongres dan sebagainya ialah bertujuan mengikut rasa sefahaman di antara kita semua. Bukanlah menjadi tujuan kita mengadakan pertemuan tersebut untuk mencari kesalahan satu pihak atau yang lain sama ada Kerajaan atau Swasta. Saya harap saudara-saudara akan menjadikan ini sebagai garis panduan tatasusila dalam Seminar yang penting ini supaya mencapai maksudnya dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Pada kesempatan ini, sukalah saya menghuraikan serba sedikit usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan supaya dapat kita sama-sama menilai sejauh mana kita telah berjaya. Seperti

yang kita sedia maklum, tidaklah sebegitu mudah menjayakan sesuatu projek perniagaan atau perindustrian, baik yang kecil sekalipun. Kajian-kajian yang mendalam terpaksa dilakukan kerana berjaya atau tidaknya sesuatu projek itu terletak kepada beberapa faktor.

Bagi pihak Bumiputra sendiri, untuk menjalankan kajian-kajian tersebut dengan usahasama syarikat-syarikat perundingan mungkin akan memakan belanja yang banyak. Oleh itu Kerajaan telah menyediakan kemudahan ini dengan mengarahkan FIDA menilai mana-mana projek Bumiputra dengan tujuan untuk menentukan sama ada projek tersebut boleh dijalankan atau tidak. Ini bermakna adakah projek-projek tersebut "viable" atau tidak. Saya harap pengusaha-pengusaha Bumiputra akan menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan tersebut dan pihak FIDA bersedia memberi sepenuh kerjasama kepada ahli perniagaan Bumiputra yang berkehendakkan khidmat itu.

Ini hanyalah satu daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan terhadap usaha kita hendak melahirkan masyarakat Bumiputra yang berkecimpung dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Berbagai usaha dan tindakan sedang dilakukan selaras dengan maksud tersebut.

Berkenaan saham-saham, umpamanya, melalui Jawatankuasa Tindakan Galakan (Action Committee on Incentives) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengkhaskan saham-saham kepada Bumiputra dalam syarikat-syarikat yang diluluskan mengikut kehendak dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dalam tahun 1974, dari sejumlah \$759.1 juta saham projek yang diluluskan, \$250.71 juta iaitu sebanyak 33% adalah dikhaskan untuk Bumiputra dan bagi empat bulan pertama dalam tahun 1975, dari sejumlah \$188.71 juta saham projek yang diluluskan, \$60.9 juta atau 32.2% adalah dikhaskan untuk Bumiputra. Selain dari itu syarat-syarat mengenai penggunaan tenaga kakitangan, latihan dan lain-lain lagi dikenakan terhadap syarikat-syarikat tersebut supaya memenuhi matlamat Kerajaan.

Seperti yang saudara-saudara maklum, di negara kita ini perkembangan-perkembangan masih lagi belum sekata. Beberapa negeri belum mendapat hasil dari perkembangan-perkembangan

ini berbanding dengan yang lain. Dalam hubungan memberi faedah-faedah ini kepada negeri-negeri tersebut, maka Kerajaan telah berusaha membawa projek-projek ke tempat-tempat tersebut dengan mengadakan peraturan locational incentive untuk beberapa jenis industri.

Perbandingan dapat dilakukan. Umpamanya, dalam tahun 1971, hanya 51 projek atau 16.8% dari projek-projek yang diluluskan terdapat di negeri-negeri kurang maju (Pahang, Melaka, Trengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah, Perlis dan Negeri Sembilan), akan tetapi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kemajuan pesat telah mulai ketara.

Dalam tahun 1972, terdapat 73 projek atau 20.5%; dalam tahun 1973, 118 projek atau 24.9% dan dalam tahun 1974, sebanyak 123 projek atau 25.14%. Bagi tahun 1975 ini, hingga setakat bulaa Mei sudah ada 154 projek yang diluluskan.

Dari perbandingan ini dapat dilihat iaitu usaha-usaha ini semakin hari semakin dekat menuju ke arah hasrat kita membawa industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar atau ke negeri-negeri yang kurang maju. Dengan cara ini kita dapat memper-imbangkan keadaan di dalam negara antara satu kawasan dengan yang lain, antara satu negeri dengan yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang telah saya sebutkan iaitu Kerajaan ingin Bumi-putra mengambil bahagian yang aktif dalam kehidupan ekonomi negara ini. Ini bermakna bahawa banyak lagi tindakan mesti dilakukan kerana bidang kehidupan ekonomi kita adalah luas dan berbagai bentuk pula.

Dalam bidang perniagaan sahaja, terdapat bermacam-macam kesempatan dan ruang yang mustahak ialah dalam bahagian impot dan eksport. Kerajaan telah mengeluarkan lesen-lesen impot bagi barang-barang yang dikawal di mana dasarnya untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada kuota yang ada kepada pengimpot-pengimpot Bumiputra.

Dalam perkara ini, penting sekali diingat bahawa bukan semua barang-barang yang diimpot ke dalam negara ini dikenakan sekatan kuota. Walau bagaimanapun, bukanlah dasar kita hanya

menggalakkan peniaga-peniaga Bumiputra menumpukan perhatian mereka kepada barang-barang dikawal sahaja tetapi juga terhadap barang-barang yang bebas di mana peluang perniagaan adalah lebih luas daripada barang-barang yang dikawal itu.

Saudara-saudara sekalian,

Apa yang telah saya sebutkan tadi hanyalah untuk menunjukkan bahawa Kerajaan memang berazam hendak melihat lahirnya satu masyarakat yang adil, makmur dan bahagia di negara ini. Saya percaya dengan kerjasama dan rasa persefahaman dari rakyat kita tetap akan dapat mencapai matlamat tersebut dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Akhir kata, saya suka sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur dan saya ucapkan selamat berseminar semoga mencapai kejayaan.